

MAHATHIR-PENDUDUK

EMBARGO UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI, 10 APRIL

1984

KUALA LUMPUR, 10 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BILANGAN PENDUDUK NECARA INI TIDAK AKAN DAPAT DITINGKATKAN SAMA SEKALI JIKA USAHA ITU DILAKUKAN HANYA SETELAH MASALAH KEMISKINAN DIATASI.

PERDANA MENTERI BERKATA DI NEGARA YANG KAYAPUN SEPERTI AMERIKA SYARIKAT MASIH TERDAPAT MANUSIA YANG HIDUP DI BAWAH PARAS KEMISKINAN.

INI BERMAKNA BAHAWA NECARA TIDAK MUNGKIN MENGHAPUSKAN SAMA SEKALI KEMISKINAN. KEMISKINAN TETAP ADA TETAPI INI TIDAK BERMAKNA TARAF KEHIDUPAN RAKYAT TIDAK BOLEH DITINGKATKAN, KATANYA

BELIAU MEMBERIKAN PENJELASAN INI KETIKA BERCAKAP DI RANCANGAN EHWAL SEMASA TV MALAYSIA MALAM INI. ANGGOTA PANELNYA TERDIRI DARIPADA ENCIK HASHIM MAKARUDDIN, TIMBALAN PENGARANG PERKHIDMATAN EKONOMI BERNAMA, CIK RUSNAH MAJID, PENGARANG RENCANA KUMPULAN AKHBAR UTUSAN MELAYU DAN ENCIK SALLEH PATEH AKHIR, PENGARAH BERITA DAN EHWAL SEMASA RTM, YANG MENJADI PERANTARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN KEYAKINAN BAHAWA DALAM JANGKA MASA 115 TAHUN BUKAN SAHAJA BILANGAN PENDUDUK AKAN DAPAT DITINGKATKAN TETAPI JUGA TARAF KEHIDUPAN RAKYAT.

INI DAPAT DIHASILKAN MENERUSI KERJA KUAT, KERAJINAN DAN PERANCANGAN YANG LEBIH TERATUR DAN KESANGGUPAN MENGHADAPI BERMACAM-MACAM CABARAN, TEGASNYA.

--LAGI 1805/AN

ZCZC B632

MAHATHIR-PENDUDUK 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI MENERANGKAN BAHAWA ANGKA 70 JUTA PENDUDUK YANG DICADANGKAN UNTUK NEGARA INI SUATU MASA NANTI CUMA MERUFAKAN ANGKA YANG LAZIMNYA TERDAPAT PADA APA JUA. RANCANGAN DAN LA TIDAK BOLEH MENJADI TEPAT.

+TIDAKLAH BERMAKNA BAHAWA PADA SATU HARI PENDUDUK MALAYSIA INI 70 JUTA, TIDAK BOLEH SATU LEBIH DAN TIDAK BOLEH SATU KURANG.

+ANGKA 70 JUTA ITU DATANG DARIPADA PERKIRAAN KITA TENTANG SAIL NEGARA+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA ADALAH LEBIH BESAR UMPAMANYA DARIPADA BRITAIN. +MEREKA MEMPUYAI 50 JUTA (PENDUDUK), KENAPA KITA YANG LEBIH BESAR TIDAK BOLEH MEMPUYAI 70 JUTA+.

BELIAU BERKATA ANGKA-ANGKA YANG DISEDIAKAN OLEH LEMBAGA PERANCANG KELUARGA NEGARA MENUNJUKKAN BAHAWA MALAYSIA AKAN MEMPUYAI PENDUDUK SERAMA 1 35 JUTA DALAM JANGKA MASA 115 TAHUN.

+JADI KALAU KITA CUMA GANDAKAN SAHAJA, KITA TENTU DAPAT 70 JUTA+.

--LAGI 1808/AN

MAHATHIR-PENDUDUK 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA ANGKA PENDUDUK 35 JUTA ITU ADALAH BERDASARKAN KADAR KELAHIRAN 2.2 ATAU 2.3, SEKARANG DAN JIKA KADAR INI DIUBAH KEPADA KADAR ASAL IAITU 3.2, KEMUNGKINAN ANGKA 70 JUTA AKAN TERCAPAI.

+DAN KALAU DALAM PADA ITU PULA KITA MENJAGA KESIHATAN, KITA MEMBERI PELAJARAN YANG CUKUP TENTANG MENJAGA TUBUH EADAN-DAN KITA ADA CARA-CARA MENENTUKAN JARAK ANTARA ANAK-ANAK, KADAR SURVIVAL IAITU BILANGAN BAYI YANG BUKAN SAJA LAHIR TETAPI AKAN DEWASA, AKAN MENINGKAT. +

+INI SUOAH TENTU AKAN MENAMBAH BILANGAN PENDUDUK SEHINGGA DAPAT ANGKA 70 JUTA DALAM MASA 115 TAHUN, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENJELASKAN BAHAWA KEMISKINAN MEMPUNYAI DUA 'TAFSIRAN-KEMISKINAN MUTLAK' YANG BOLEH DIHAPUSKAN DAN KEMISKINAN SECARA RELATIF YANG TIDAK MUNGKIN DAPAT DIATASI.

KEMISKINAN MUTLAK, MENURUTNYA, IALAH KEMISKINAN SEHINGGA PAPA KEDANA, KEBULURAN, TERPAKSA MERABA-RABA DALAM TONG SAMPAH (UNTUK MEMCARI MAKANAN) TETAPI KEMISKINAN INI TIDAK BERLAKU DI MALAYSIA.

KEMISKINAN RELATIF PULA MERUPAKAN KEADAAN DI MANA TERDAPAT YANG KAYA TENTU ADA YANG MISKIN. --LAGI 1819/PA.

MAHATHIR-PENDUDUK 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+YANG KITA DAPAT BUAT IALAH MENGURANGKAN JURANG ANTARA YANG MISKIN DENGAN YANG KAYA. ITU SAHAJA+, TEGASNYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENERANGKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK MENGGUNAKAN SEBARANG ANGKA UNTUK MENUNJUKKAN GARISAN KEMISKINAN KERANA ANGKA SEBENARNYA TIDAK MEMPUNYAI MAKNA DAN TIDAK TEPAT KERANA KEADAAN ALAM SEKITAR BERBEZA.

UMPAMANYA KALAU \$500 DITETAPKAN SEBAGAI GARIS KEMISKINAN, MUNGKIN DI SATU TEMPAT SESEBRANG YANG BERPENDAPATAN SEDEMIKIAN BOLEH DIANGGAP KAYA TETAPI DI TEMPAT YANG LAIN KEADAAN SESEORANG YANG BERPENDAPATAN BEGITU BOLEH DIANGGAP SEBALIKNYA.

+APA YANG KITA GUNAKAN IALAH APA YANG DIPERLUKAN OLEH SESUATU KELUARGA SERAMAI LIMA ORANG UNTUK HIDUP SEMPURNA. CUKUP MAKAN, CUKUP PAKAIAN DAN MEMPUNYAI PERLINDUNGAN SAMADA, RUMAH SEWA ATAU PUN RUMAH SENDIRI ATAU PUN LAIN-LAIN.

+DENGAN TIGA PERKARA INI, PADA RASANYA YANG DITENTUKAN, KITA ANGGAP BAHAWA SESUATU KELUARGA ITU TIDAK LAGI MISKIN. SEBAB ITU KITA TIDAK DAPAT MEMBERI ANGKA.

+CUMA KITA BOLEH KATA SEKARANG INI SEKIAN BANYAK, KEMUDIAN KITA MUNGKIN TERPAKSA TUKAR PULA PARASITU KERANA MUNGKIN SARA HIDUP TELAH MENINGKAT, MUNGKIN SUBSIDI KERAJAAN TELAH BERTAMBAH, MUNGKIN KERAJAAN TELAH MEMBINA SESUATU YANG MENGURANGKAN PERBELANJAAN SESEORANG.

--LAGI 1833/AN

N N N N

2020 B641

MAHATHIR-PENDUDUK 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+JADI INI SEMUA TENTULAH DIAMBIL KIRA DAN INI TIDAK BOLEH MENENTUKAN SATU PARASIT YANG TEPAT DARIPADA SEGI ANGKA+, KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBERI JAMINAN KERAJAAN, SETIAP KALI MENYUSUN RANCANGAN PEMBANGUNAN MALAYSIA SENTIASA MENGUBAH PARASIT KEMUDAHAN-KEMUDAHAN KERANA DULU MUNGKIN ADA YANG DIANGGAP KEMUDAHAN MEWAH, KINI MENJADI KEPERLUAN SAJA.

--BERNAMA 1835/AN